

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG.JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN TENIS JEMPUTAN**  
**UNIVERSITI ASEAN 2011**  
**PADA 25 FEBRUARI 2011 BERTEMPAT DI**  
**DEWAN WARISAN, KANGAR, PERLIS**

\*\*\*\*\*

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam 1 Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP Dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP.

Terlebih Dahulu Patik Bagi Seluruh Warga Kerja UniMAP Ingin Merafak Sembah, Menjunjung Kasih Yang Tidak Terhingga Di Atas Perkenan Duli Tuanku Berdua Bercemar Duli Berangkat Ke Majlis Perasmian Kejohanan Tenis Jemputan Universiti Asean 2011 Ini. Sesungguhnya Kehadiran Duli Tuanku Berdua Ke Majlis Ini Amat Besar Ertinya Buat Kami Semua Di Universiti Ini. Ibarat kecil Tapak Tangan, Nyiru Kami Tadahkan.

Ampun Tuanku,

Izinkan Patik Menyampaikan Ucapan Kepada Barisan Tetamu Yang Hadir.

Yang Berhormat Tuan Jamil Saad, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Belia & Sukan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan) Negeri Perlis, wakil kepada Y.A.B Menteri Besar.

Yang Berusaha, Dr. Shaharudin Haji Ismail, Setiausaha Bahagian, Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi, Wakil Y.B Menteri Pengajian Tinggi.

YB Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yg Bhg. Datin.

Yang Berhormat, Dato' Azizan Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yg. Bhg. Datin.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP.

Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Yang Berhormat serta isteri,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP. Dif-Dif Kehormat

Pegawai-pegawai Tertinggi MASUM, Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan.

Pengurus Pasukan dari IPTA/IPTS Dalam dan Luar Negara.

Wakil-wakil media, Peserta Kejohanan Tennis Jemputan Universiti ASEAN seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya dapat kita berkumpul bersama pada malam ini bagi menyempurnakan Upacara Perasmian dan Majlis Makan Malam Kejohanan Tennis Jemputan Universiti ASEAN.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pusat Sukan UniMAP di bawah kepimpinan En Afizal atas inisiatif mencetuskan idea penganjuran Kejohanan Tennis Jemputan Universiti ASEAN buat julung kalinya di Malaysia.

Terima kasih yang tidak terhingga juga buat Kementerian Pengajian Tinggi, yang sentiasa menyokong dan menghulurkan bantuan kepada kami di UniMAP dalam sebarang aktiviti yang kami anjurkan. Tidak

ketinggalan, ucapan penghargaan kerana memilih UniMAP sebagai Pusat Tumpuan Sukan Tennis di Malaysia.

Semoga kerjasama seperti ini akan berterusan dalam usaha kita memartabatkan sukan di persada antarabangsa. Sesungguhnya kerjasama yang terjalin ini merupakan tanda kita menzahirkan semangat dan kerjasama dalam perjuangan kita meletakkan martabat sukan negara agar ianya diiktiraf sebagai salah satu elemen penting dalam arus pembangunan negara.

Hadirin sekalian,

Memandangkan terdapat peserta antarabangsa di dalam majlis ini, izinkan saya meneruskan ucapan dalam Bahasa Inggeris.

Ladies and Gentlemen,

**It is my pleasure to bid you “Selamat Datang”, “Welcome”, “Karp Kum Karp” and “Maligayang Pagdating” to all delegates of the 1<sup>st</sup> ASEAN University Tennis Championship 2011. I am deeply honored to be with you on this auspicious occasion tonight.**

Kejohanan tenis jemputan universiti asean 2010 ini merupakan kejohanan yang julung kalinya dianjurkan oleh universiti malaysia perlis dengan kerjasama kementerian pengajian tinggi malaysia dan persatuan tenis perlis.

**The ASEAN University Tennis Championship 2011 is the first championship organized by Universiti Malaysia Perlis in cooperation with the Ministry of Higher Education and Perlis State Tennis Association.**

Ianya bertujuan menaikkan martabat sukan tenis diperingkat yang lebih tinggi dan UniMAP juga telah di pilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai pusat sukan tumpuan bagi sukan tenis. Saya merasakan pemilihan ini amat bertepatan sekali, memandangkan Pusat Sukan UniMAP diterajui oleh bekas pemain tenis peringkat Malaysia iaitu En Afizal.

**It aims to elevate the status of tennis and UniMAP is privileged to be chosen by the Ministry of Higher Education as the Focus Centre for tennis. I strongly feel that they have made the right choice for UniMAP Sports Centre is currently headed by the former Malaysian tennis player, Mr. Afizal Abu Othman.**

Saya percaya, dengan pengalaman yang beliau miliki, akan membantu ke arah pembangunan sukan Tenis di Malaysia. Insya Allah. Dan, penganjukan kejohanan ini merupakan platform awal ke arah menyediakan pemain pelapis di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk mewakili negara kelak.

**I believe with his huge experience, it will be a great bonus in supporting the development of tennis in Malaysia. InshaAllah. This championship will serve as a platform in grooming and coaching young players among the students of the Institution of Public and Private Higher Education to represent Malaysia in the future.**

Saya merasa amat gembira kerana walaupun untuk pertama kalinya kita menganjurkan Kejohanan Tenis Jemputan Universiti Asean 2011 ini jumlah penyertaan yang diterima amat menggalakkan. Kita menerima hampir 150 penyertaan dari IPTA dan IPTS manakala 56 penyertaan dari 4 Universiti ASEAN. Pencapaian ini membuktikan UniMAP diyakini untuk menganjurkan program-program besar bertaraf dunia dan saya berharap jumlah penyertaan akan bertambah dari tahun ke tahun. Insha Allah, kami akan memanfaatkan sepenuhnya pengalaman kami sebelum ini dalam menganjurkan pelbagai kejohanan di peringkat Kebangsaan dan ASEAN.

**Although this is the first time we are organizing the tournament, I'm overwhelmed to see what a great response we had, the number of entries received has been encouraging. We received nearly 150 entries from public and private institutions, while 56 participants from four ASEAN Universities. This achievement is a recognition for our capability to organize world class events and I hope the number of entries will increase from year to year. InshaAllah, we**

**will optimize and make full use of our previous experience in organizing various competitions at national and ASEAN level.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bidang sukan kini bukan lagi sekadar hobi tetapi sudah dijadikan sebagai satu industri penting oleh individu dan organisasi serta menjadi penanda aras kemajuan sukan negara di peringkat global.

**Sports are no longer a hobby but have become a key industry for individuals and organizations as well as a national benchmark globally.**

Sukan sekarang merupakan satu industri yang bukan sahaja melibatkan atlit, pihak pengurusan dan kerajaan, namun ia turut membabitkan industri hiliran, contohnya, pengeluaran graduan aliran sains sukan, para peniaga kecilan yang menyewa di premis sukan, industri pengiklanan, pengamal media serta lain-lain pihak yang berkepentingan.

**Today, sports is an industry that involves not only athletes, management and government, but it also involves the downstream industry, for example, the creation of sports science graduate, small scale businessmen, advertising industry, media practitioners and others concerned.**

Apabila ianya sudah menjadi satu industri, maka adalah perlu untuk kita mentadbir dan melihat perkembangan sukan itu sebagai satu industri juga dan bukan hanya dari perspektif biasa. Sebagaimana industri sukan di Eropah yang dikendalikan secara cukup profesional, maka atas dasar yang sama juga, saya merasakan sudah sampai masanya sukan di Malaysia ditadbir dengan lebih sistematik.

**When it has become an industry, it is necessary to administer and view the development of such sports as an industry and not from an ordinary perspective. As the sports industry in Europe is managed by professionals it is our hope as well to see more professional getting involved and a more systematic approach to be implemented in Malaysia.**

Baru-baru ini, pemain bola sepak kebangsaan, Mohd. Safee Sali telah mencipta sejarah baru di Malaysia apabila berhijrah ke Kelab Bola Sepak di Indonesia untuk mengembangkan kerjayanya. Saya melihat penghijrahan ini sesuatu yang memberikan manfaat besar, dan siapa tahu hasil pengalaman yang diraihnya di Indonesia ketika ini bakal membuka jalan untuk menyertai Kelab Bola Sepak di Asia atau mungkin Eropah.

**Recently, the national soccer player, Mohd. Safee Sali has created a new history in Malaysia when he decided to move to Indonesia Football Club to develop his career. I see this migration as a huge benefit, and who knows this will result him to a better chance of joining a Football Club in Asia or perhaps Europe.**



Sebagaimana pemain Korea, Park Ji Suung yang berjaya menjadi kesebelasan pemain utama Pasukan Manchester United, tidak mustahil ia mungkin berlaku kepada pemain negara kita kelak.

**Korean soccer player, Park Ji Suung has successfully become a key team player of Manchester United, and it is possible that it might happen to our players in the future.**

Dan atas sebab itulah, saya merasakan pemain-pemain tenis negara juga perlu didedahkan dengan pengalaman latihan dan pertandingan di peringkat antarabangsa. Sekiranya ia dijalankan secara berterusan, saya percaya hasrat dan matlamat untuk kita melahirkan jaguh sukan tenis bertaraf dunia akan tercapai.

**And for that reason, I feel that the national tennis players should also be exposed to training and competition at the international level. If it is carried out continuously, I believe that our goals and aspirations to produce world-class tennis champions will be achieved.**

Sesungguhnya usaha ini memerlukan kerjasama jitu daripada semua pihak dan Insya Allah, UniMAP selaku Pusat Tumpuan Sukan Tenis akan berusaha mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan di peringkat lebih tinggi. Dan kami amat mengharapkan sokongan

daripada Persatuan Tenis Negeri Perlis dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam merealisasikan hasrat ini.

**Surely this effort requires the cooperation of all parties and, UniMAP as the Sports Center for Tennis will try to discover new talents to be given exposure at a higher level. And we certainly appreciate the support of the Perlis State Tennis Association and the Ministry of Higher Education in realizing this goal.**

Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada petang ini. Walaupun penganjuran ini merupakan penganjuran kali pertama, harapan yang terbuku dihati saya ini tinggi menggunung untuk melihat kejohanan ini mendapat pengiktirafan sewajarnya.

**I don't intend to give a long winded speech and I guess that is about all I need to say. As I have said earlier, although this event is organized for the very first time, it is my hope that this championship will gain a worthy recognition.**

Saya menyimpul azam menanam tekad untuk menjadikan kejohanan ini sebagai acara tahunan dan tumpuan jitu akan diberikan kepada aspek kualiti penganjuran. 2011 akan menjadi detik mulanya perjuangan UniMAP memartabatkan sukan Tenis dan besarlah harapan saya agar kegemilangan kejohanan ini mampu setanding dengan penganjuran Kejohanan Tenis Remaja Antarabangsa Tuanku

Syed Putra yang telahpun bertapak di negara ini sejak 30 tahun yang lalu. Insya Allah.

**It is my objective in making this championship as an annual event and more focus will be given to the quality of the organization. 2011 will be the “kick-start” to elevate tennis to a higher level. I hope this championship would match the glory of hosting the Tuanku Syed Putra International Junior Tennis Championships that has already been established in this country 30 years ago.**

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pegawai-pegawai dan urusetia kejohanan di atas penganjuran kejohanan bertaraf antarabangsa yang berprestij ini.

**Finally, I wish to congratulate all the organizing committee for all the hard work and endless support in making this prestigious championship a success. Thank you.**

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga unimap ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah duli tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada malam ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Terima Kasih

